10 Pak Cik Mohan sedang _____ benih sayur di kebunnya.

A ditabur
B bertabur
C menabur
D bertaburan

11 Cikgu Farid merupakan guru yang _____ di sekolah saya.

A termuda
B pemuda
C kemudaan
D memudakan

12 Rotavirus ialah sejenis penyakit _____.

A dijangkiti
B berjangkit
C menjangkit
D menjangkiti

13 Penyerahan buku teks kepada pihak sekolah akan dijalankan pada minggu _____ bulan Oktober.

A akhiri
B diakhiri
C terakhir
D berakhir

14 Kapal yang bernama The One itu sedang _____ menuju ke Pulau Tioman.

A belayar
B pelayar
C pelayaran
D berpelayaran

15 Lubang itu _____ untuk menanam sisa-sisa makanan.

A dikorek
B mengorek
C penggorek
D pengorekan

16 Seorang _____ yang terkemuka telah diupah oleh Encik Mazlan untuk mereka bentuk rumah baharunya.

A jurutaip
B jurureka
C jurusolek
D jurukamera

17 Murid-murid yang _____ dalam program anjuran pihak sekolah dikehendaki berkumpul di tapak perhimpunan.

A terlibat
B melibat
C melibatkan
D penglibatan

Soalan 18 *berdasarkan gambar di bawah.*



18 Amran _____ lantai kayu yang hampir reput itu perlahan-lahan.

A dipijak
B terpijak
C berpijak
D memijak

Scanned with CamScanner
LIVEWORKSHEETS